



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION**  
**JANUARY 2014 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 1113

**SUBJECT TITLE** : BAHASA KEBANGSAAN A

**LEVEL** : DIPLOMA

**TIME / DURATION** :  
( 3 HOURS )

**DATE** :

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

**THERE ARE 11 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Bahasa Melayu kuno banyak dipengaruhi perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa \_\_\_\_.  
A. Parsi. C. Portugis.  
B. Arab. D. Sanskrit.
  
2. Tokoh-tokoh sasterawan Islam seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Shamsudin al-Sumaterani berasal dari \_\_\_\_.  
A. Aceh. C. Pulau Penyengat.  
B. Pulau Bentan. D. Singapura.
  
3. Pegawai-pegawai Inggeris yang mahu bertugas di Tanah Melayu perlu \_\_\_\_  
A. mempelajari bahasa Melayu.  
B. Lulus peperiksaan bahasa Melayu.  
C. memahami budaya Melayu.  
D. lulus ujian tulisan Jawi.
  
4. Bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, ia perlulah melalui proses perancangan. Proses perancangan ini meliputi  
A. pemilihan, pelaksanaan dan penilaian.  
B. pelaksanaan, pemupukan dan penilaian.  
C. penilaian, pemilihan dan perasmian.  
D. pengisytiharan, pelaksanaan dan penilaian.
  
5. Badan yang dipertanggungjawabkan untuk memantapkan bahasa Melayu sehingga layak dijadikan bahasa rasmi ialah \_\_\_\_.  
A. Dewan Rakyat.  
B. Dewan Bahasa dan Pustaka.  
C. Institut Bahasa Melayu.  
D. Pusat Bahasa Melayu.

Untuk soalan 6 hingga 8 sila pilih perkataan yang salah ejaannya.

6. A. telor C. beduk.  
B. telur D. bedok
7. A. Se-Malaysia. C. Antiamerika.  
B. Hamba-Mu (tuhan). D. Praklausa.
8. A. Gimnasium C. Psikologi.  
B. Forum D. Korum.

Bagi soalan 9 dan 10, sila pilih perkataan-perkataan yang betul ejaannya.

9. I. Aneh.  
II. Pamer.  
III. Plan.  
IV. Gran.  
A. I dan II. C. II dan III.  
B. I dan III. D. III dan IV.
10. I. Pasaraya.  
II. Bandaraya.  
III. Hari raya.  
IV. Balai raya.  
A. I dan II. C. II dan III.  
B. I dan III. D. III dan IV.
11. “Miskin jangan dipandang hina.”  
Frasa subjek dalam ayat ini mengandungi  
A. kata kerja. C. kata nama.  
B. kata adjektif. D. kata sendi nama.

12. Kesemua ayat-ayat berikut salah dari segi penggunaan kata sendi nama **kecuali**
- Patung itu diperbuat dari gangsa.
  - Di saat itu aku tergamam dan tidak tahu berbuat apa-apa.
  - Kami rela berkorban demi untuk mempertahankan negara.
  - Saya mendoakan agar kalian berdua akan bahagia hingga kepada anak cucu.
13. Kesemua ayat berikut tidak gramatis **kecuali**
- Adalah dimaklumkan bahawa tarikh untuk melihat anak bulan akan ditetapkan pada minggu hadapan.
  - Hadiah yang dibeli itu adalah untuk ibunya.
  - Kematian bayhi itu adalah disebakan kecuaian pihak hospital.
  - Dengan demikian, adalah diharapkan tuan sekeluarga akan dapat bersama kami dalam majlis tersebut.
14. Yang manakah berikut ini ayat songsang yang mendahulukan kata adjektif?
- Aminah rajin mengulang kaji pelajarannya demi mendapat keputusan yang cemerlang.
  - Aminah amat rajin mengulang kaji pelajarannya demi mendapat keputusan yang cemerlang.
  - Demi mendapat keputusan yang cemerlang, Aminah rajin mengulang kaji pelajarannya.
  - Rajin Amninah mengulang kaji pelajarannya demi mendapat keputusan yang cemerlang.
15. "Pak Leman sedang berbual dengan jirannya ketika kejadian itu berlaku."
- Bentuk ayat songsang yang mendahulukan kata bantu dan kata kerja bagi ayat di atas ialah
- Sedang berbual Pak Leman dengan jirannya ketika kejadian itu berlaku.
  - Ketika kejadian itu berlaku, Pak Leman sedang berbual dengan jirannya.
  - Dengan jirannya Pak Leman sedang berbual ketika kejadian itu berlaku.
  - Pak Leman dengan jirannya sedang berbual ketika kejadian itu berlaku.

16. "Kak Limah menghidangkan minuman petang kepada para tetamunya."

Struktur ayat aktif dua objek bagi ayat aktif satu objek di atas ialah

- A. Minuman petang dihidangkan oleh Kak Limah kepada para tetamunya.
- B. Para tetamu telah dihidangkan oleh Kak Limah minuman petang.
- C. Minuman petang Kak Limah hidang kepada para tetamu.
- D. Kak Limah menghidangi para tetamunya minuman petang.

17. "Saya perlu memaklumkan kejadian ini kepada pihak atasan."

Bentuk ayat pasif bagi ayat aktif di atas ialah

- A. Kepada pihak atasan saya perlu memaklumkan kejadian ini.
- B. Kejadian ini saya perlu maklumkan kepada pihak atasan.
- C. Kejadian ini perlu dimaklumkan oleh saya kepada pihak atasan.
- D. Perlu dimaklumkan kejadian ini saya kepada pihak atasan.

18. Yang manakah berikut ini ayat majmuk relatif?

- A. Ramlan dan kawan-kawannya ke pekan pagi tadi.
- B. Baju yang baru dibelinya semalam terlalu besar.
- C. Dia dinaikkan pangkat kerana tekun bekerja.
- D. Kakak menyatakan bahawa ibu sedang sakit ketika dia menziarahinya minggu lepas.

19. Ungkapan yang manakah berikut ini diambil daripada laras undang-undang?

- |                       |                      |
|-----------------------|----------------------|
| A. Untung bersih.     | C. Rembatan kencang. |
| B. Defenden tergamam. | D. Bertawakal.       |

20. "Ahmad dan adik-beradiknya makan kenduri di kampung seberang."

Ayat ini merupakan ayat

- |                     |                      |
|---------------------|----------------------|
| A. transitif aktif. | C. majmuk komplimen. |
| B. transitif pasif. | D. majmuk relatif.   |

**BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

**Soalan 1****Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.*****Belia muflis akibat belanja luar kemampuan***

Setiap orang apabila ditanyakan soalan berkaitan kepentingan wang dalam kehidupan biasanya, ada yang menjawab wang bukan segala-galanya dan ada juga yang menjawab tanpa wang kita tidak boleh mengecapi kebahagiaan hidup.

Kos hidup yang semakin tinggi menyebabkan kebanyakan daripada kita menjadi tertekan dan kerana tidak dapat mengurus kewangan dengan baik akhirnya hutang piutang tidak dapat dibayar dan menyebabkan seseorang menjadi muflis. Justeru, perlu diingatkan dari peringkat remaja lagi agar mengawal perbelanjaan dengan bijak dan jangan ikut nafsu semasa berbelanja.

Secara purata, setiap hari dianggarkan terdapat 14 orang diisyiharkan muflis atau bangkrup di negara ini. Ini berlaku kerana sikap suka berbelanja lebih daripada pendapatan.

Sejumlah 122,169 rakyat Malaysia diisyihar muflis bagi tempoh 2007 hingga tahun lepas berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI).

Hari ini, semakin ramai belia yang muflis, gara-gara menanggung beban hutang yang serius seperti kad kredit, pinjaman membeli kereta dan pinjaman peribadi.

Perangkaan Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2005 hingga 2012 menunjukkan seramai 243,823 orang diisyiharkan muflis. Sebanyak 57 peratus daripadanya berusia di bawah 45 tahun.

Sebanyak 50 peratus daripada mereka ialah pemegang kad kredit yang berusia di bawah 30 tahun. Lebih menyedihkan 15 peratus daripada mereka tiada tabungan dan 37 peratus lagi tidak pernah memikirkan persediaan untuk persaraan.

Perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan wang menjadi faktor utama masalah hutang. Hal ini membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan.

Gaya hidup di luar kemampuan sering menjadi punca utama masalah kewangan yang semakin meruncing dalam kalangan remaja.

Mereka merasakan status orang muda bagaikan tercabar sekiranya tidak mengikut trend masa kini dari segi penampilan dan gajet. Hal ini membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan. Maklumlah hendak membayar bil Internet, telefon, kelab gimnasium dan perbelanjaan makan minum.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) mengenai perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda, 37 peratus daripada kelompok itu mengakui berbelanja melebihi gaji bulanan. Kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan menjadi punca kepada kemelut bebanan hutang golongan tersebut.

Jika dilihat dari segi peratusan kes kebangkrapan yang paling tinggi kepada golongan ini adalah membabitkan pinjaman kenderaan iaitu 25.21 peratus, diikuti pinjaman persendirian 13.15 peratus, pinjaman perumahan 12.31 peratus, pinjaman perniagaan 11.26 peratus dan kad kredit, 4.9 peratus.

Implikasi muflis ada macam-macam. Antaranya, menyebabkan seseorang itu tidak boleh memegang jawatan tertentu dalam perkhidmatan awam.

Seorang pegawai pemegang harta akan ditugaskan untuk mengawasi harta benda dan memantau tindakan anda dalam menyelenggarakan harta untuk melangsankn hutang. Anda juga tidak boleh ke luar negara.

Antara langkah bijak untuk mengelakkan berlakunya perkara ini ialah ibu bapa jangan terlalu akur dengan kehendak anak-anak yang meminta barang berjenama atau sentiasa mahu menukar gajet. Anak-anak perlu dididik dari kecil lagi tentang perancangan kewangan yang betul. Terangkan kepada mereka yang mana menjadi keperluan dan prioriti perlu diutamakan daripada mengikut kehendak arus semasa.

Dalam pada itu, Sekretariat Bebas Muflis perlu berperanan agar penggunaan khidmat CTOS yang banyak menyusahkan orang ramai dari segi maklumat yang tidak dikemaskini dan menimbulkan ketidakadilan dan penganiayaan ini, dikaji semula atau dihentikan terus dan digantikan serta diuruskan oleh pihak kerajaan sendiri dalam menentukan status kredit seseorang untuk dinilai oleh institusi kewangan dan sebagainya.

Proses pinjaman dan lain-lainnya seharusnya juga dinilai semula agar tidak timbul masalah dari segi penjamin, teraniaya dan tertipu dengan sistem yang ada sekarang ini.

Selain itu, program-program motivasi dan kewangan seperti yang diadakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Program Pengurusan Kredit harus diperhebatkan. Program yang dijalankan ini bertujuan memupuk tabiat meminjam secara bijak sekali gus menggalakkan budaya pembayaran semula pinjaman secara konsisten.

Jika berlaku muflis, dunia belum kiamat lagi kerana masih ada cahaya di hujung terowong. Tetapi sebelum itu, ukurlah baju di badan sendiri. Ukurlah ketebalan dompet dan jumlah wang dalam akaun bank. Ukurlah gaji bulanan dan hutang yang perlu dilunaskan. Sama-sama kita saling mengingati. Salam 1Hati.

DR. JESSICA ONG HAI LIAW

Pensyarah Kanan, Universiti Pertahanan

(Utusan Malaysia Online 15 April 2014)

**Jawab kesemua soalan berikut dengan menggunakan struktur ayat sendiri.**

- A. Berdasarkan petikan di atas, apakah yang menyebabkan para belia di negara kita muflis?
- B. Pada pandangan penulis, apakah yang menyebabkan bebanan hutang yang ditanggung oleh para belia?
- C. Adakah anda bersetuju dengan penulis yang merasakan status orang muda bagaikan tercabar sekiranya tidak mengikut trend masa kini dari segi penampilan dan gajet?
- D. Apakah di antara kesan yang terpaksa ditanggung oleh seseorang yang muflis?
- E. Adakah anda bersetuju dengan langkah-langkah yang disaran oleh penulis bagi mengatasi masalah muflis di kalangan belia? Jelaskan jawapan anda.

(10 markah)

**Soalan 2**

**Sila baiki ayat-ayat berikut.**

- A. Habibah menjelaskan yang kejadian itu berlaku dengan begitu pantas sekali.
- B. Juadah itu telah disediakan oleh kami malam tadi.
- C. Keengganan beliau untuk campur tangan dalam isu ini adalah disebabkan beliau tidak mahu dilihat menyebelahi mana-mana pihak.
- D. Linda melaporkan dari bilik berita.
- E. Hasnah telah bertungkus-lumus mengulang kaji pelajarannya sepanjang percutian demi untuk memperolehi keputusan yang cemerlang.

(5 markah)

**Soalan 3**

**Sila tukarkan ayat-ayat transitif aktif berikut kepada ayat-ayat transitif pasif atau sebaliknya.**

- A. Ibu sedang menjahit baju untuk jiran-jirannya.
- B. Saya akan menyerahkan kotak ini kepada pihak polis.
- C. Batu itu tesepak oleh Maniam.
- D. Penjenayah itu ditembak polis ketika cuba melarikan diri.
- E. Khabarnya pak Leman kena tangkap polis malam tadi.
- F. Kakak menghidangi para tetamunya makanan tengah hari.
- G. Kita akan menyiapkan tugas itu sebelum pulang ke Kuala Lumpur.
- H. Baginda sultan menganugerahi laksamana sepasang persalinan.
- I. Hadiah ini hendaklah kamu berikan kepadanya.
- J. Rendang yang dimasak nenek amat enak rasanya.

(10 markah)

**Soalan 4**

**Sila isikan ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan kata sendi nama atau kata bantu yang sesuai.**

- A. Kakak menerima sepucuk surat \_\_\_\_ seseorang yang tidak dikenali.
- B. Dia \_\_\_\_ bijak membuat keputusan.
- C. Kutipan derma yang dilakukan ini \_\_\_\_ mendirikan sebuah rumah anak-anak yatim.
- D. Indah \_\_\_\_ pantai itu ketika waktu petang.
- E. atung itu diperbuat \_\_\_\_ gangsa.
- F. Rombongan kami baru tiba \_\_\_\_ Sabah.
- G. Kita berharap pihak polis \_\_\_\_ bersungguh-sungguh menyiasat kes ini.
- H. Awak \_\_\_\_ bercakap benar ketika disoal siasat.
- I. Bukit itu terletak \_\_\_\_ selatan kampung ini.
- J. Bunyi itu katanya datang \_\_\_\_ bawah rumah.

(10 markah)

**Soalan 5**

**Sila tukarkan bentuk ayat songsang berikut kepada bentuk ayat biasa.**

- A. Berbual atok di anjung rumah ketika kami sampai.
- B. Sedang membersih kebunnya ayah pada petang semalam.
- C. Gembira adik setelah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaanya.
- D. Kepada tok penghulu kami menyerahkan surat bantahan itu.
- E. Sangat penting tuntutan ini diselesaikan dengan segera.

(5 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab 1 soalan sahaja.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Tuliskan sebuah karangan mengenai salah satu tajuk berikut. Panjangnya karangan tersebut hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan. Bagi soalan 1, 2 dan 3 markah diberikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Pengenalan	2 markah
Penyusunan isi	4 markah
Pengolahan isi	6 markah
Perengganan	4 markah
Tautan	4 markah
Kesimpulan	2 markah
Tajuk	2 markah
Jumlah	40 markah

Manakala bagi soalan ke-4 pula markah diberikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Tajuk	2 markah
Gubahan plot	4 markah
Perkembangan konflik	6 markah
Perengganan	4 markah
Tautan	4 markah
Klimaks dan peleraian	4 markah
Jumlah	40 markah

**Soalan 1**

Kenaikan kos hidup hari ini berkehendakkan perancangan perbelanjaan yang teliti. Bincangkan.

(40 markah)

**Soalan 2**

Kehilangan kapal terbang MH370 milik Malaysia mungkin menjelaskan program "Tahun Melawat Malaysia". Bincangkan.

(40 markah)

**Soalan 3**

Sebagai seorang wakil rakyat, anda telah diundang untuk merasmikan sebuah sekolah yang baru didirikan di sebuah kampung dalam kawasan parlimen anda. Tuliskan sebuah teks ucapan untuk tujuan perasmian tersebut di samping menjelaskan rancangan-rancangan anda bagi memajukan kawasan parlimen anda. Turut hadir dalam majlis itu ialah beberapa orang penghulu dari beberapa buah kampung yang terletak dalam kawasan parlimen anda, pegawai daerah, pengetua sekolah, ibu bapa para pelajar, kakitangan sekolah dan pelajar-pelajar.

(40 markah)

**Soalan 4**

"Pak abu merenung jauh. Sejak perkhabaran kehilangan kapal terbang yang dinaiki anaknya itu sampai ke telinganya, dia merasakan hidupnya sudah tidak bererti lagi. Omar ialah satu-satu anaknya. Dialah racun, dialah penawarnya. Saban hari dia mengikuti perkembangan nasib kapal terbang yang hilang itu di kaca televisyennya. Dua minggu dia bersama-sama keluarga penumpang-penumpang kapal terbang yang hilang di Kuala Lumpur. Akhirnya dia mengambil keputusan untuk pulang saja ke kampungnya. Di sana, dia sering diganggu oleh orang sekeliling yang bertanyakan itu dan ini. Mereka membuat pelbagai andaian itu dan ini. Dia rasa rimas dan ingin bersendirian. Dia mahu mengenang masa silam ketika anak itu masih bersamanya. Tiba-tiba ...."

Sila selesaikan cereka di atas mengikut kreativiti anda.

(40 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**